

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tujuan pelan tindakan dan perkembangan terkini mengenai Pembangunan Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional (e-WEN)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Warga emas di Malaysia merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna, Austria yang diadakan pada tahun 1982. Berasaskan unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduk merupakan warga emas. Bagi persediaan ke arah ‘*ageing population*’, cabaran yang perlu dihadapi adalah amat besar dan memerlukan strategi tindakan yang bersistematik.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional (e-WEN) adalah usaha Kerajaan ke arah merealisasikan objektif yang digariskan dalam Dasar Warga Emas iaitu membentuk sistem penyampaian perkhidmatan warga emas yang berkesan dan bersepadu dan menggalakkan penggunaan hasil penyelidikan sebagai asas dalam perancangan, pemantauan dan penilaian program warga emas.

Sistem ini bertujuan untuk membangunkan pendaftaran digital dan pemetaan warga emas bagi menghasilkan data bersepadu. Pembangunan sistem ini juga adalah usaha Kerajaan yang merangkumi idea dan pelan untuk:

- i. Mewujudkan pendaftaran warga emas dengan penggunaan sistem secara *online* yang lebih cekap, pantas dan menghasilkan data bersepadu;
- ii. Memudahkan carian dan semakan warga emas mengikut lokaliti seperti negeri, daerah dan bandar;
- iii. Penyaluran maklumat dan perkongsian data berkaitan warga emas antara agensi kerajaan; dan

SOALAN NO : 10

- iv. Meningkatkan proses padanan kerja, kemahiran dan kesihatan dalam kalangan warga emas.

Pembangunan dan pelaksanaan projek e-WEN mengambil tempoh masa 36 bulan bermula tahun 2021 dijangka selesai akhir tahun 2023. Skop pembangunan e-WEN meliputi:

- Pembangunan Sistem dan Integrasi;
- Perolehan Perkakasan & Perisian ICT;
- Latihan & *Transfer Of Technology*; dan
- Penyelenggaraan Serta Khidmat Sokongan.

Kini fasa pertama sistem telah pun dimulakan dengan proses kelulusan projek, petaulahan vendor melalui proses tender dan dijangka pada penghujung tahun 2021, antara muka e-WEN akan terbina. Tahun kedua adalah fasa penting di mana perolehan dan pembekalan perkakasan & perisian ICT akan dilaksanakan dan pada waktu yang sama pembangunan, integrasi dan pengujian sistem akan berlaku. Sepanjang tahun 2023, dirancang sesi latihan dan TOT kepada kumpulan pelaksana yang bertanggungjawab dalam pengisian maklumat sistem ini.

Sekian, terima kasih.